



03 JUL, 2023

Urusan Kastam, Imigresen di KLIA terkawal

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Urusan Kastam, Imigresen di KLIA terkawal

SEPANG: Urusan dan peng-operasian Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Imigresen (JIM) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) adalah terkawal, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengadakan lawatan mengejut ke pintu masuk utama negara itu, semalam.

Dalam tinjauan itu bagi melihat sendiri keadaan petugas JKDM dan JIM susulan satu insiden yang melibatkan orang kenamaan di KLIA baru-baru ini, Anwar berkata terdapat beberapa permasalahan di kedua-dua jabatan itu yang akan disusuli dengan siasatan bagi penambahbaikan dan tindakan wajar.

"Ada beberapa kerosakan Kastam yang harus kita perbaiki. Umumnya majoriti pekerja dan petugas Imigresen berjalanan dengan baik. Cuma ada beberapa masalah, kita adakan siasatan untuk perbaiki atau kalau ada kesilapan; akan diambil tindakan wajar," katanya.

Tanpa diiringi menteri Kabinet atau orang kenamaan, Anwar mengadakan lawatan mengejut sekitar 30 minit di KLIA itu, sebelum menyertai upacara keberangan

katan pulang Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah ke tanah air, selepas mengunak ibadah haji di Kompleks Bunga Raya, KLIA di sini.

Anwar berkata, beliau akan meneliti langkah-langkah penambahbaikan yang telah diambil dan harus dilakukan.

"Setakat ini saya lihat memang Imigresen respons sangat baik dan positif. Yang kita harus kenal pasti ialah beberapa kelompok kecil yang masih tidak mampu bawa perubahan, termasuk berdepan dengan beberapa pertubahan," katanya.

Anwar berkata, perbincangan awal berhubung JKDM dan JIM akan dilakukan dalam mesyuarat Kabinet Rabu ini.

Sebuah portal berita pada 29 Jun lepas melaporkan mengenai kekecohan di KLIA melibatkan orang kenamaan, dikatakan cuba 'menyelamatkan' seorang wanita warga China yang dinafikan kemasukan ke negara ini.

Kejadian itu turut tular di media sosial apabila orang kenamaan berkenaan dikatakan masuk ke



YANG di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum berangkat pulang ke Istana Negara selepas kembali ke tanah air dari menunaikan ibadah haji, di Kompleks Bunga Raya semalam. • Foto BERNAMA

ruang balai ketibaan itu, tanpa memohon pas keselamatan. Ketua Pengarah Imigresen

Datuk Ruslin Jusoh berkata pihaknya akan menjalankan siasatan menyeluruh mengenai

insiden itu, merangkumi semua aspek berkaitan. - Bernama



03 JUL, 2023

Urusan Kastam, Imigresen di KLIA terkawal

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

SEPANG: Urusan dan pengoperasian Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Imigresen (JIM) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) adalah terkawal, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengadakan lawatan mengejut ke pintu masuk utama negara itu, semalam.